



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



WANITA DAN JENAYAH DARI SUDUT PERSPEKTIF GENDER

WOMEN AND CRIME FROM A GENDER PERSPECTIVE

Mohd Alif Jasni^{1*}

¹ Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah. Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah.

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur

Email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my / alevmikail@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 06.07.2022

Revised date: 02.08.2022

Accepted date: 10.08.2022

Published date: 09.09.2022

To cite this document:

Jasni, M. A. (2022). Wanita Dan Jenayah Dari Sudut Perspektif Gender. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 256-275.

DOI: 10.35631/IJLGC.729018.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Semenjak beberapa dekad yang lalu, telah berlakunya peningkatan banduan wanita yang masuk ke dalam sistem keadilan jenayah dengan sangat ketara. Namun demikian, secara realitinya penyelidikan empirikal dalam sistem keadilan jenayah lebih berfokuskan kepada banduan lelaki berbanding banduan wanita. Situasi ini membawa kepada kurangnya perbincangan dan perbahasan tentang banduan wanita dalam literatur atau sumber sekunder. Sehubungan dengan itu, kertas konsep ini bertujuan mengisi lompang tersebut dengan mengenal pasti faktor jenayah berdasarkan perspektif gender, kesan penglibatan wanita dalam jenayah dan keperluan kepada program pemulihan yang responsif dan sensitif kepada aspek gender. Dalam kertas konsep ini, sejumlah besar literatur telah didedikasikan untuk memahami penglibatan wanita di dalam jenayah dan implikasi tingkah laku tersebut. Kertas konsep ini diakhiri dengan cadangan iaitu memperkenalkan program yang bersifat responsif-gender dan sensitif-gender dalam membantu banduan wanita menjadi seorang yang produktif, patuh undang-undang dan dapat berintegrasi dengan komuniti semula.

Kata Kunci:

Wanita, Gender, Feminis, Jenayah, Responsif-Gender Dan Sensitif-Gender

Abstract:

Over the past few decades, there has been a significant increase in female inmates entering the criminal justice system. However, in reality, empirical

research in the criminal justice system focuses more on male prisoners than on female prisoners. This situation leads to a lack of discussion and debate about female prisoners in literature or secondary sources. In relation to that, this concept paper aims to fill the gap by identifying crime factors based on gender perspective, the impact of women's involvement in crime and the need for a rehabilitation program that is responsive and sensitive to gender aspects. In this conceptual paper, a large amount of literature has been dedicated to understanding women's involvement in crime and the implications of such behavior. This concept paper concludes with a recommendation to introduce gender-responsive and gender-sensitive programs to help female prisoners become productive, law-abiding and able to reintegrate with the community.

Keywords:

Women, Gender, Feminist, Crime, Gender-Responsive And Gender-Sensitive

Pengenalan

Jenayah merupakan suatu bentuk tingkah laku seseorang yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang jenayah dalam setiap negara. Jenayah juga dirujuk sebagai kesalahan yang dilakukan secara individu atau kumpulan dengan niat untuk melakukan kesalahan tersebut. Perlakuan jenayah merupakan permasalahan sosial yang melanda hampir di semua negara di dunia (Yuen, 2004). Terdapat pelbagai jenis jenayah yang berlaku di setiap negara yang semakin berleluasa dan sukar dibendung oleh pihak kerajaan pada masa kini. Golongan ini ditangkap atas sebab kesalahan jenayah yang boleh membawa kepada hukuman mengikut undang-undang negara seperti dipenjara, denda atau dikenakan hukuman mati jika disabitkan kesalahan (Scott, 2014).

Dalam sistem keadilan jenayah di dunia, jumlah penglibatan jenayah adalah lebih tinggi dalam kalangan lelaki berbanding wanita. Secara perangkaan telah membuktikan secara konkrit bahawa jenayah lebih banyak dilakukan oleh lelaki berbanding wanita. Ia merupakan fakta yang tidak dapat ditepis dan dinafikan sama sekali. Begitu juga sistem keadilan jenayah negara ini yang melaporkan jumlah banduan lelaki adalah lebih dominan berbanding banduan wanita. Namun demikian, walaupun perlakuan jenayah dikaitkan dengan golongan lelaki, tetapi golongan wanita juga masih tidak terkecuali daripada terlibat dalam jenayah. Hal ini amat membimbangkan apabila statistik menunjukkan bilangan wanita yang ditangkap dan dikenakan hukuman pemenjaraan semakin meningkat. Sistem keadilan jenayah dalam negara turut merekodkan peningkatan banduan wanita semenjak 10 tahun yang lalu (tahun 2011-2021). Malahan, jenayah yang dilakukan oleh golongan wanita tidak terhad kepada jenayah kecil-kecilan, malah hari demi hari, telah dipaparkan bahawa jenayah yang dilakukan oleh mereka telah dilihat semakin serius, agresif dan ekstrem. Penglibatan jenayah wanita dalam pelbagai bentuk memberi kesan kepada sistem keadilan jenayah dalam mencari solusi yang bersesuaian bagi menyelesaikan masalah jenayah dalam kalangan wanita. Walaupun bilangan banduan wanita semakin meningkat namun program pemulihan masih berfokuskan perbincangan kepada lelaki. Dari sudut feminis, program yang berfokuskan kepada lelaki akan dirujuk sebagai neutral gender. Ia memberi makna bahawa program sedia ada di dalam penjara lebih banyak berfokuskan dan dihasilkan dari kajian yang melibatkan lelaki. Menurut hasil tinjauan di beberapa negara Eropah, jumlah jenayah yang dilakukan oleh lelaki di United Kingdom telah mencatatkan 3.8 kali ganda berbanding wanita pada masa lalu, begitu juga laporan statistik di Negara seperti Belanda dan Belgium yang melaporkan hampir 4.5 kali ganda, dan di Perancis adalah 4.3 kali ganda (Zhang & Gao, 2013). Pada masa itu, jumlah

jenayah lelaki adalah 4 kali ganda atau lebih daripada jenayah wanita. Pada hari ini, keadaannya telah menjadi sangat berbeza. Landskap jenayah telah berubah hampir 360 darjah. Maklumat yang berkaitan menunjukkan bahawa kadar jenayah wanita di Jerman kini menyumbang 24% daripada jumlah keseluruhan jenayah, dan kadar jenayah wanita di Amerika Syarikat menyumbang 30% daripada jumlah keseluruhan jenayah. Menurut statistik dari Jepun, bilangan jenayah wanita pada masa kini telah meningkat dengan banyak berbanding sebelum ini, dan bentuknya juga telah menjadi pelbagai. Bukan itu sahaja, perbezaan tahap jenayah antara lelaki dan wanita di Jepun juga semakin kecil, dan kaedahnya semakin serupa (Zhang & Gao, 2013). Seterusnya melihat benua seperti di Eropah, apabila menunjukkan perubahan apabila Britain telah mencatatkan penurunan jumlah wanita yang dipenjarakan dari 4,236 orang pada tahun 2010 ke 3,885 orang pada tahun 2015 dan menurun lagi ke 3,199 orang pada tahun 2021. Yang terkini pada tahun 2021, banduan wanita di penjara United Kingdom telah menunjukkan peratusan sekitar 4.1%.

Jika meninjau di beberapa benua seperti di Amerika Utara pula, Amerika Syarikat (AS) merupakan antara negara yang telah mencatatkan peningkatan jumlah wanita yang dipenjarakan. Amerika Syarikat turut melaporkan tentang situasi peningkatan kes penglibatan wanita dalam jenayah (Statista Research Department, 2021). Laporan menunjukkan dari 195,140 orang pada tahun 2005 ke 197,100 orang pada tahun 2010 dan telah meningkat lebih tinggi lagi ke 211,375 orang pada tahun 2019 (World Prison Brief, 2021). Keadaan ini telah membuktikan peningkatan wanita dalam jenayah di Amerika Syarikat dari tahun ke tahun. Di Oceania dan Australia, bilangan wanita yang dipenjarakan di Australia telah meningkat dengan ketara: 2,228 orang pada tahun 2010; 2,876 orang pada tahun 2015 dan 3,302 orang pada tahun 2021. Keadaan ini telah membuktikan bahawa di Australia, jenayah wanita secara beransur-ansur meningkat dari setiap tahun (World Prison Brief, 2021). Selain itu, di Asia pula, China melaporkan peningkatan yang sangat besar apabila dari jumlah 84,600 orang pada tahun 2010 telah meningkat ke 145,000 orang pada tahun 2018.

Kesemua statistik yang dilaporkan memberi gambaran tentang betapa kronik peningkatan jenayah dalam kalangan wanita. Pandangan tentang jenayah lebih banyak dilakukan oleh golongan lelaki dan jenis jenayah dalam kalangan lelaki adalah lebih serius berbanding wanita harus dipertimbangkan semula. Ternyata trend hari ini telah berubah di dalam hampir semua sistem keadilan jenayah di seluruh dunia. Kadar jenayah dalam kalangan wanita menunjukkan perubahan dan landskap yang begitu membimbangkan sekali. Malahan, tidak dinafikan juga, fenomena peningkatan penjenayah wanita sebenarnya bukan sahaja dilaporkan hanya berlaku di negara-negara barat, namun negara seperti di Asia turut mencatatkan trend jenayah dalam kalangan wanita yang hampir serupa sejak abad-20 (Smith, 2020). Lebih membimbangkan, statistik menunjukkan populasi penjenayah wanita di negara Asia Tenggara adalah lebih tinggi sebenarnya berbanding kawasan lain. Kebanyakan wanita yang dipenjarakan menunjukkan jenis jenayah dari segi penjualan dadah dan pelacuran, manakala jenayah yang melibatkan keganasan rumah tangga melibatkan kelompok yang lebih kecil.

Di Malaysia, kes jenayah membabitkan wanita mencatatkan 39% yang dijatuhkan hukuman gantung kerana terlibat dengan jenayah berat berbanding 86% golongan lelaki (Amnesty International, 2019). Fenomena penglibatan jenayah dalam kalangan wanita di Malaysia turut menunjukkan trends yang serupa seperti negara-negara lain. Ia terbukti menerusi data Jabatan Perangkaan Malaysia (2021) yang melaporkan tentang penglibatan jenayah yang semakin meningkat. Tetapi jika melihat dari sudut komposisi gender, jumlah banduan wanita ini dilaporkan jauh lebih kurang berbanding jumlah banduan lelaki, di mana ia hanya mencatatkan

sejumlah 4.5% sahaja berbanding daripada populasi keseluruhan di penjara. Walaubagaiman, jumlah ini dilaporkan menunjukkan peningkatan yang ketara dalam tempoh 10 tahun sebelum ini. Di Malaysia, berdasarkan data yang dilaporkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (2021), jumlah banduan (sabitan) wanita pada tahun 2015 ialah 3,286 orang, dan meningkat ke 3,706 pada tahun 2016, dan meningkat lagi ke 3,718 pada tahun 2017. Penulis turut ingin menyelitikan tentang data yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (2019) yang menunjukkan peningkatan wanita ke dalam jenayah.

Malahan World Health Organization (WHO) juga telah melaporkan berlakunya keganasan wanita yang berleluasa terutama dari kalangan wanita muda. Laporan menunjukkan dalam 1 daripada 4 wanita muda (berumur 15-24 tahun) yang telah menjalin atau mempunyai hubungan akan pernah mengalami keganasan oleh pasangan intim apabila mereka mencapai pertengahan dua puluhan. Seterusnya, dari tempoh sepanjang hayat mereka ini. Di samping itu, akan berlakunya 1 daripada 3 wanita, hampir kira-kira 736 juta, akan mengalami keganasan fizikal atau seksual yang dilakukan oleh pasangan intim atau keganasan seksual dari bukan pasangan. Lebih membimbangkan lagi, apabila hampir sebahagian jumlah besarnya tidak mengalami sebarang perubahan sepanjang dekat yang lalu. Malahan keganasan fizikal atau seksual yang dilakukan oleh pasangan intim atau keganasan seksual daripada bukan pasangan dan jumlah sebahagian besarnya tidak berubah sepanjang dekad yang (World Health Organization, 2021). Jika diamati lebih teliti, penglibatan wanita atau motif wanita ini untuk terlibat dalam jenayah bunuh boleh terjadi disebabkan oleh kecurangan pasangan mereka, terlibat dalam ketagihan dadah dan juga alkohol (Siti Nurkhairina, Wan Shahrazad, & Muhammad Kamaluddin, 2019). Kesemua ini membuktikan faktor pendorong atau pencetus wanita ini berada dalam tingkah laku jenayah adalah disebabkan persekitaran mereka yang penuh diskriminasi dan deskruktif. Ia membuktikan bahawa boleh keadaan persekitaran dan sekeliling ini boleh membuatkan seseorang itu untuk boleh terlibat di dalam jenayah disebabkan oleh faktor-faktor berikut.

Secara amnya, bilangan kajian mengenai penglibatan jenayah wanita masih lagi kecil dan didapati majoriti kajian tempatan yang terdahulu masih kurang menjurus kepada usaha memahami faktor berkaitan dengan penglibatan jenayah dalam kalangan wanita dari sudut diskusi perspektif gender. Maka dengan itu, kertas konsep ini cuba membincangkan faktor gender yang mampu mempengaruhi penglibatan wanita dalam jenayah, kesan penglibatan wanita dalam jenayah dan diakhiri dengan cadangan program responsif dan sensitif-gender dalam mengurangkan kes jenayah dalam kalangan wanita. Diharap, kertas konsep ini mampu memberi sumbangan dalam memahami kelompok ini dan berusaha mencari jalan dalam menyelesaikan jurang gender dari pelbagai segi seperti seperti ekonomi, pendidikan, sosial, pekerjaan, kepimpinan dan lain-lain.

Gender Dan Isu Jenayah Dalam Kalangan Wanita

Kini, penglibatan wanita ke dalam aktiviti jenayah sehingga menyebabkan jurang gender di antara lelaki dan wanita semakin mengecil. Menurut Walmsley, (2017), populasi penjara dalam kalangan wanita telah berkembang jauh lebih cepat daripada populasi penjara lelaki sejak kira-kira pada tahun 2000 lagi. Malahan jumlah populasi penjara wanita dan kanak-kanak perempuan di penjara telah semakin meningkat lebih kepada 50%, manakala populasi lelaki meningkat sebanyak kira-kira 20% (Walmsley, 2017). Tambahan pula, peningkatan jenayah wanita sering berkait rapat dengan sejauh mana wanita mengambil bahagian dalam kehidupan sosial. Di peringkat global, pembaharuan sosial dan ekonomi dan keterbukaan yang berlaku telah membawa kepada lebih banyak kesaksamaan antara lelaki dan wanita, yang sudah pasti suatu bentuk kemajuan yang dicapai. Walau bagaimanapun, penyertaan sejagat lelaki dan

wanita dalam hal ehwal sosial turut membawa lebih banyak peluang kepada wanita untuk melakukan jenayah berbanding sebelum ini (Chen, 2014).

Begitu juga jika diteliti dengan keadaan yang berlaku di dalam dunia ini, apabila dunia luar telah mula membincangkan tentang pembangunan kebajikan wanita yang sangat ditekankan. Di peringkat serantau global, telah wujudnya gagasan utama dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) di bawah Matlamat Kelima iaitu berusaha dalam mencapai kesaksamaan jantina dan pemeraksaan wanita di dalam negara. Negara luar terutama yang maju telah lama mula memperjuangkan isu kesaksamaan wanita di dalam Negara. Pada tahun 1970-an, berlakunya kemunculan kriminologi feminis yang mula memperjuangkan hak kesaksamaan gender dalam membincangkan isu jenayah dalam kalangan wanita. Keperluan dalam meneliti isu jenayah wanita dengan terperinci memandangkan kepelbagaian dimensi yang boleh mempengaruhi tingkah laku wanita ke dalam jenayah. Hal ini turut diperkatakan tentang kelemahan wanita disebabkan oleh keadaan mereka yang terpinggir dan terisolasi daripada masyarakat serta dirumitkan lagi dengan masalah penganiayaan yang sering berlaku ke atas mereka (Burman & Gelsthorpe, 2016).

Senario yang berlaku menyebabkan perbincangan tentang faktor penglibatan wanita ke dalam jenayah dan kesan yang boleh terjadi harus diberikan penekanan penting terutama dari sudut akademik dan polisi kerajaan. Kesemua ini mampu menjadi pencetus dalam melahirkan ilham untuk menghasilkan program yang lebih responsif dan sensitif terhadap gender. Hasil pengamatan penulis telah mendapati jalan kemasukan wanita ke dalam jenayah yang telah berubah, dan turut ditambahkan dengan kaedah yang boleh menjadi berbeza sehingga menjadikan langkah pencegahan terhadap mereka yang harus turut berubah. Malahan, hampir sedekad yang lalu, telah membawa kepada penyaksian peningkatan hampir 800% sabitan dalam kalangan wanita. Peningkatan ini telah mengatasi kadar pertumbuhan pesalah lelaki (Struble, 2019). Dalam bidang ilmu pengetahuan kriminologi telah membawa kepada perbincangan kesaksamaan gender dan peluang yang perlu diperjuangkan kepada semua tanpa mengira gender.

Malaysia sebagai negara yang sedang membangun mempunyai tugas dan peranan yang besar dalam memastikan pemeraksaan yang dapat diperjuangkan di dalam negara ini. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa isu yang melibatkan wanita sangat diberikan perhatian oleh masyarakat dunia. Namun disebabkan ketidaksakmaan yang berlaku serta jurang kemiskinan yang wujud turut menjadi asbab kepada punca golongan wanita ini terlibat di dalam tingkah laku jenayah. Pada era globalisasi ini, penulis mendapati golongan wanita ini sebenarnya tidak terkecuali daripada terlibat dalam kancah jenayah. Kebiasaannya, wanita yang terlibat dalam kegiatan jenayah ini, mereka ditangkap atas kesalahan-kesalahan tertentu yang membabitkan penjenayah wanita antaranya seperti kegiatan pengedaran dadah, pencurian, penipuan, pelacuran dan sebagainya. Pemahaman yang meluas telah dilakukan oleh ahli kriminologi dan sejarawan dalam memahami lebih baik mengenai pengaruh stereotaip gender pada penglibatan wanita ke dalam jenayah dan tindak balas sosial dan institusi yang wujud di sekeliling kehidupan wanita ini. Stereotaip gender yang telah mengakibatkan pada suatu ketika wanita ini merupakan sebahagian peserta jenayah yang menunjukkan kadar relatif yang rendah, dan begitu juga di dalam kadar pendakwaan jenayah wanita yang turut mencatatkan kadar relatif yang rendah juga (Manon, 2017).

Namun begitu, realitinya yang berlaku adalah sebaliknya. Apabila diteliti kembali dari pelbagai statistik dan data telah menunjukkan kadar jenayah wanita ini sebenarnya semakin meningkat, dan keadaan ini memberi kesan yang amat dibimbangkan. Sistem keadilan jenayah perlu mengambil maklum tentang situasi yang sedang berlaku dalam mencari solusi yang bersesuaian dalam mengurangkan jenayah wanita ini serta membantu populasi penjara wanita yang bakal dibebaskan untuk masuk ke dalam kehidupan komuniti dengan lancar. Kenyataan ini dapat disokong menerusi laporan statistik global yang telah menunjukkan seramai 736 juta wanita terlibat dalam pelbagai kegiatan jenayah pada tahun 2019 (UN Women, 2019). Namun berbeza pula apabila diamati daripada statistik tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Bank of Population (BOP) menunjukkan populasi wanita yang dipenjarakan adalah 7% di seluruh dunia, manakala lelaki adalah 93%, hal ini menunjukkan populasi lelaki merupakan populasi yang lebih banyak dipenjarakan walaupun kes jenayah wanita mempunyai peningkatan (Federal Bureau of Prisons, 2019). Walau bagaimanapun, ia membuktikan berlakunya penglibatan wanita ini dalam jenayah sebenarnya. Keadaan ini membuatkan kertas konsep ini cuba memberi ilham kepada pihak atasan di dalam sistem keadilan jenayah untuk mula memandangkan serius perkara ini.

Setiap negara di dunia telah melaporkan trend jenayah dalam kalangan wanita yang sama. Negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun, turut mencatatkan fenomena yang serupa tentang penglibatan wanita dalam jenayah. Apa sekalipun, kebiasaannya, penglibatan lelaki dalam jenayah adalah lebih tinggi daripada wanita. Realitinya yang berlaku, sememangnya tingkah laku jenayah merupakan simbol yang sering dikaitkan dengan lelaki tetapi wanita juga tidak dikecuali (Siti Nurkhairina et al., 2019). Walaupun penglibatan wanita dalam jenayah biasanya dalam jenayah yang kecil seperti mencuri, menjadi pekerja seksual, menghisap dadah, menipu, terlibat di dalam aktiviti perjudian atas talian dan sebagainya (Campaniello, 2019), tetapi jenayah wanita tidak dinafikan sedang semakin meningkat di dalam setiap negara. Penglibatan wanita dalam jenayah adalah semakin meningkat dan ada juga mempunyai rekod pengulangan jenayah. Malahan jika dilihat di dalam konteks tempatan, jumlah pengulangan jenayah dalam kalangan wanita turut melaporkan peningkatan yang drastik dalam tempoh 10 tahun (tahun 2010-2020). Statistik pengulangan jenayah di dalam konteks tempat membuktikan ramai dari kalangan bekas banduan wanita ini yang gagal berintegrasi semula. Pelbagai faktor yang menjadi pencetus kepada kegagalan berintegrasi semula dalam kalangan bekas banduan wanita.

Keterlibatan wanita dalam masalah jenayah ini disebabkan oleh dua faktor utama iaitu faktor sosial atau persekitaran seperti berlakunya masalah dalam sesebuah keluarga, masalah kewangan dan pengaruh dalam pengambilan dadah manakala faktor yang seterusnya adalah faktor psikologi seperti masalah mental dan mengalami tekanan. Faktor-faktor ini yang mendorong wanita untuk melakukan jenayah walaupun akan memberikan kesan yang negatif terhadap diri. (Norasikin, 2002). Kajian menunjukkan jenis jenayah yang dilakukan oleh wanita biasanya adalah seperti penjualan dan pengedaran dadah, pengguguran, pembunuhan dan penyalahgunaan, dan jenayah-jenayah lain seperti jenayah siber dan jenayah komersial (Siti Nurkhairina et al, 2019). Mengikut perangkaan tempatan, jenayah narkotik atau dadah merupakan rekod jenayah utama yang disumbang oleh para banduan wanita di Malaysia (Jabatan Penjara Malaysia, 2016). Keadaan ini menimbulkan kebimbangan apabila masalah dadah menjadi antara faktor penyumbang kepada penglibatan jenayah dalam kalangan wanita ini. Penglibatan jenayah wanita yang menunjukkan tahap peningkatan setiap tahun turut disumbang oleh jurang gender yang dihadapi mereka ini terutama dari sektor ekonomi, kepimpinan, pendidikan dan pekerjaan.

Berlakunya peningkatan penglibatan wanita yang tidak dinafikan segera. Laporan sebegini memanggil kepada keperluan untuk membincangkan isu jenayah dalam kalangan wanita dengan lebih terbuka. Idea wanita sebagai penyumbang kecil dalam populasi dalam penjara tidak boleh digunakan lagi. Laporan jenayah wanita di dalam pelbagai sistem keadilan jenayah menjadikan kertas konsep ini begitu signifikan sekali. Jurang gender yang semakin meluas menjadikan mereka sering berada dalam keadaan yang destruktif dan terhimpit dengan tekanan. Kesemua ini mampu menyumbang kepada penglibatan mereka secara berterusan ke dalam tingkah laku jenayah. Keadaan dirumitkan lagi dengan latarbelakang keluarga dan diikuti dengan masalah sosial yang dihadapi seperti keganasan rumah tangga yang boleh menjadi penyumbang kepada jenayah wanita (Siti Nurkhairina et al., 2019). Kepentingan buat sistem keadilan jenayah untuk mementingkan isu jenayah yang melibatkan wanita. Hal ini disebabkan wanita ini sebagai golongan individu yang penting dalam pembangunan modal insan di dalam sesebuah Negara. Seperti yang diketahui, fungsi dan peranan wanita yang sangat besar kepada Negara dan berupaya untuk melahirkan pelapis generasi masa hadapan untuk membentuk sebuah negara yang mampan. Maka dengan itu, tanggungjawab negara dalam memperkasakan golongan wanita ini perlu dipandang serius terutama dalam membantu wanita yang terlibat dengan jenayah agar mereka berjaya keluar daripada kehidupan jenayah tersebut. Sistem keadilan jenayah yang tidak lagi boleh bersifat neutral gender tetapi menjadi lebih responsif dan sensitif terhadap gender. Penglibatan jenayah boleh terjadi dalam mana-mana gender. Maka, keperluan dalam mengambil berat kepada perbincangan kepada kedua-dua gender bagi memastikan keadilan diperjuangkan dan diperkasakan.

Faktor Penglibatan Golongan Wanita Dalam Jenayah

Seringkali menjadi isu perdebatan apabila perlakuan jenayah yang kebiasaan akan dikaitkan dengan golongan lelaki. Namun begitu, pada hari ini, penglibatan wanita ke dalam jenayah bukan suatu yang jarang sekali. Terbukti bahawa berlakunya peningkatan jenayah wanita pada setiap tahun menjadikan perbincangan tentang jenayah wanita merupakan penting untuk dilakukan segera. Penulis mendapati antara faktor pencetus kepada penglibatan wanita ke dalam jenayah adalah berkait rapat dengan kesetaraan jantina yang masih belum mencapai penyelesaian dan termasuk juga faktor kemiskinan yang sering dilihat dihadapi oleh golongan wanita ini dengan lebih kronik. Malahan, wujud juga faktor-faktor lain termasuk latarbelakang keluarga dan pendidikan yang menjadi pencetus kepada penglibatan jenayah dalam kalangan wanita ini. Bahagian ini akan dibincangkan dengan membahagikan perbincangan kepada subtopik-subtopik kecil berkaitan faktor penglibatan jenayah. Antara seperti berikut:

Kemiskinan

Kemiskinan didapati menjadi antara faktor yang menyebabkan perlakuan jenayah wanita dalam pelbagai jenis aktiviti jenayah. Keadaan hidup yang miskin membawa kepada pelbagai desakan dan tekanan dalam hidup. Antara faktor kemiskinan yang dikenalpasti adalah berdasarkan ketiadaan pendapatan yang mencukupi dan pengangguran yang menyebabkan golongan wanita ini menemui kegagalan dalam menampung keperluan hidup, memiliki penempatan yang kondusif, ketiadaan pemilikan harta. Kesemua ini menyebabkan golongan wanita ini gagal menjami kelangsungan hidup yang baik. Malahan berlakunya situasi apabila wanita yang terjebak ke dalam jenayah seperti peralasan disebabkan oleh desakan hidup yang berlaku. Kemiskinan yang dihadapi menyebabkan kecenderungan wanita untuk melacurkan diri untuk menjana pendapatan yang lumayan dan mengejar kemewahan (BH Online, 2015). Malahan, penglibatan wanita ini ke dalam jenayah bagi memperolehi kemewahan dengan cepat seperti menjadi keldai dadah (BH Online, 2015). Keterdesakan

wanita apabila berada dalam kemiskinan untuk mendapatkan wang dengan mudah mendorong mereka dalam melakukan kegiatan yang salah di sisi undang-undang.

Kemiskinan menyebabkan wujudnya peningkatan kepada jenayah yang menjadi faktor utama jenayah. Kebanyakan golongan wanita yang sering terlibat dalam kegiatan jenayah adalah seorang ibu tunggal disebabkan oleh krisis kewangan yang dihadapi sehingga terlibat dalam pengedaran dadah (Buletin Tv3,2017). Kecenderungan dalam melakukan kegiatan jenayah semasa berada dalam keadaan kemiskinan sering berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana, krisis kewangan yang dialami oleh seseorang itu kemungkinan akan memaksa individu tersebut dalam kegiatan jenayah yang secara tidak langsungnya menyebabkan kemudaratan kepada mereka sendiri. Ramai masyarakat di negara Malaysia yang kehilangan kerja dan terpaksa menanggung beban hutang yang semakin meningkat. Cara mudah bagi mereka mendapatkan wang adalah dengan melakukan jenayah. Kebanyakan golongan wanita yang mempunyai masalah kewangan sering melakukan aktiviti pelacuran. Antara faktor yang menyebabkan wanita terlibat dalam jenayah terutamanya dalam jenayah seksual dan pelacuran adalah kerana penglibatan wanita dalam sektor ekonomi ataupun pasaran buruh tidak mempunyai jumlah penglibatan yang tinggi. Pada hari ini, peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan golongan wanita ini melakukan jenayah untuk menyara kehidupan keluarga.

Ketaksamaan Dan Ketidakadilan Gender

Di dalam sesetengah negara, wanita sering dianggap sebagai gender kelas kedua sehingga mengakibatkan wanita tidak diberi peluang untuk memiliki pendidikan yang baik dan wujudnya pandangan tentang kemampuan wanita dan lelaki dan juga selalu dianggap tidak mempunyai taraf yang sama dengan lelaki sehingga menyebabkan mereka lebih terdedah menjadi mangsa jenayah. Tambahan pula, golongan wanita sering menghadapi diskriminasi gender pekerja wanita yang menyebabkan golongan wanita mengalami pengambilan kerja yang terhad, gaji yang rendah dan sebagainya. Hal ini juga dapat dilihat berdasarkan statistik sumber Jabatan Perangkaan iaitu 54.7% sahaja penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan berbanding dengan 80.7 peratus lelaki (Utusan Borneo Online,2019). Diskriminasi pihak majikan yang melakukan perbezaan upah dalam pasaran buruh dalam kalangan wanita dimana pekerja lelaki diberikan upah tinggi berbanding buruh wanita disebabkan mereka menganggap golongan wanita tidak produktif dengan memiliki tahap pendidikan yang lebih rendah dan memiliki mobiliti yang rendah serta sering menimbulkan permasalahan yang banyak di tempat kerja. Sebagai contoh kerap mengambil cuti seperti cuti bersalin dan sebagainya Hal ini secara tidak langsungnya juga telah menyebabkan golongan wanita mengalami masalah kewangan disebabkan oleh pembayaran upah rendah oleh majikan serta mendorong kepada pengangguran. Keadaan hidup sebegini sebenarnya mampu menyebabkan mereka sering cenderung untuk terlibat ke dalam aktiviti-aktiviti jenayah seperti mengedar dadah, pencurian, pelacuran dan sebagainya untuk mendapatkan hasil lumayan bagi kelangsungan hidup mereka.

Jurang gender dalam ekonomi dan pendidikan turut boleh menjadi faktor pencetus kepada penglibatan ke dalam jenayah. Malahan Alias (2017) yang menyebut tentang pekerjaan dan begitu juga Berma (2020) yang memperkatakan tentang latar belakang sosio budaya. Berbeza pula dengan Mallow (2015) yang menyebut tentang kurangnya perjuangan hak mereka dan Siraj (2021) pula mengatakan tentang kekurangan kesedaran dalam kesaksamaan janita. Isu dan masalah gender yang wujud telah membawa kepada peningkatan jenayah. Malahan, perbincangan ini telah mula menarik perhatian tentang situasi yan sedang berlaku. Hal ini terbukti apabila isu gender yang tidak diperjuangkan dengan seadilnya memberi kesan yang buruk kepada negara apabila berlaku peningkatan dan penglibatan golongan ini ke dalam

jenayah. Ia boleh berlaku apabila pendiskriminasian dan ketidakadilan yang dialami oleh para wanita ini telah melahirkan perasaan negatif yang mempengaruhi mereka untuk terlibat ke dalam jenayah. Masalah yang lebih membimbangkan lagi apabila bentuk dan jenis jenayah yang dilakukan oleh golongan wanita ini tidak lagi terbatas kepada jenayah yang kecil-kecilan, malahan ia turut melibatkan jenayah yang serius dan kronik. Keadaan ini telah menimbulkan perdebatan dari sudut dan kaca mata feminisim tentang penuntutan hak-hak yang sepatutnya kepada golongan wanita ini. Bukan itu sahaja, namun dalam Malaysia, masih terdapat jurang antara gender lelaki dan wanita di dalam beberapa bidang seperti guna tenaga, pendidikan, ekonomi, sosial dan kesihatan. Kenyataan ini boleh dibuktikan berdasarkan Indeks Jurang Gender Global (IJGG) dan Indeks Jurang Gender Malaysia (IJGM). Sebagai contoh, bukti berlaku bias gender adalah pada tahun 2020, skor IJGG bagi negara Malaysia ialah 0.68. Ini telah membuktikan bahawa Malaysia merupakan negara yang mempunyai jurang yang luas antara kedua-dua gender dalam kalangan negara Asia Tenggara

Pengamalan modus operandi dalam kalangan penjenayah wanita ini turut melaporkan kaedah yang semakin licik. Laporan beberapa insiden jenayah yang berlaku di dalam negara telah membuktikan bahawa penjenayah wanita ini telah mula membuat kerjasama dengan penjenayah dalam membentuk suatu sindiket jenayah (Siti Nurkhairina, et al., 2019). Penulis turut mendapati kegiatan jenayah yang mencatatkan jumlah tertinggi dalam golongan wanita adalah melibatkan jenayah narkotik iaitu dari segi dadah. Begitu juga laporan daripada pihak media yang memaparkan jenayah wanita ini dari segi jenayah narkotik, jenayah komersial, jenayah siber dan jenayah pelacuran (Jiffar, 2019). Sekaligus, jenayah narkotik merupakan penyumbang kepada data jenayah yang paling tertinggi apabila melibatkan wanita di seluruh dunia, kerana statistik menunjukkan persamaan diantaranya. Dengan itu, kertas konsep ini cuba membincangkan tentang faktor jenayah wanita dari sudut gender ini. Hal ini didapati bahawa faktor jenayah wanita dapat dilihat berlaku akibat jurang gender yang wujud terutama dari segi sektor ekonomi, pendidikan dan pekerjaan (Siti Nurkhairina et al., 2019).

Menurut Berma (2020), jenayah wanita berlaku apabila wanita tidak dapat mencari pekerjaan, membuka akaun bank sendiri, atau mengekalkan pendapatan mereka. Individu berkemungkinan terlibat dalam tingkah laku yang melanggar norma sosial (jenayah), seperti penjualan dan pengedaran dadah, jenayah siber, jenayah komersial, pembunuhan, peras ugut dan kecurian (Tharshini & Fauziah, 2020). Malahan, penulis turut mendapati rekod pemenjaraan menyebabkan golongan banduan terutama golongan wanita ini sukar mendapat pekerjaan setelah keluar dari penjara (Malott & Fromader, 2019). Hal ini kerana rekod jenayah boleh merosakkan reputasi seseorang sehingga mereka tidak dapat mencari pekerjaan. Pihak majikan tidak akan mengambil mereka sebagai pekerja kerana situasi ini akan memberikan impak yang tidak baik terhadap reputasi sesebuah masyarakat. Pada masa kini, kebanyakan golongan wanita mempunyai kelayakan pendidikan tinggi, tetapi disebabkan diskriminasi pekerjaan, wanita dipinggirkan dalam pengambilan. Wanita akan terpengaruh dengan sikap dan fenomena ini sehingga mereka terdesak untuk melakukan jenayah untuk mencari wang. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan peningkatan jenayah wanita di Malaysia.

Latar Belakang Keluarga

Penulis juga mendapati faktor penglibatan jenayah dalam kalangan wanita turut berpunca daripada latar belakang keluarga seseorang. Masalah kekeluargaan yang serius boleh mengundang kepada faktor mula kepada kegiatan jenayah dalam kalangan ahli keluarga. Hal ini jelas menunjukkan bahawa masalah kekeluargaan dapat menjadi faktor kepada keterlibatan wanita dalam jenayah. Menurut Husein, (2015), faktor penglibatan golongan wanita dalam

jenayah boleh dilihat melalui institusi kekeluargaan. Hal ini disebabkan oleh institusi kekeluargaan yang daif boleh memberi kesan kepada tahap mentaliti wanita dan turut menjejaskan tahap rohani dan intelek mereka. Kebanyakan wanita yang terlibat dalam jenayah mempunyai kisah hidup yang malang. Setelah diamati, wanita sering ditindas pada seawal usia muda yang menyebabkan mereka ini mengalami tekanan hidup dan mampu menyebabkan mereka mudah terjebak dalam kegiatan jenayah. Malahan, ketidakfungsian keluarga dimana ibu bapa sendiri yang terlibat dalam aktiviti jenayah seperti penagihan dadah juga mempengaruhi anak-anak untuk mengamalkan aktiviti jenayah tersebut apabila sudah membesar. (Abasi & Mohammadkhani, 2016). Hal ini menyebabkan wanita cenderung melibatkan diri dengan perlakuan jenayah apabila meningkat dewasa. Pengaruh sekeliling juga menjadi antara faktor kepada penglibatan mereka ke dalam jenayah.

Wanita yang mengalami kekurangan kasih sayang dan keprihatinan sepanjang jangka masa pembesaran seseorang akan menyebabkan keperluan kepada perasaan keselamatan. Kesan kepada masalah tersebut akan menyebabkan seseorang wanita berisiko tinggi untuk mencetuskan konflik dengan suaminya lalu menyebabkan masalah keganasan rumah tangga. Ini sering disebut sebagai "*Battered Woman Syndrome (BWS)*" (Walker, 2009). Bagi wanita yang sudah berkahwin, pengaruh suami ini juga mendorong mereka untuk melakukan jenayah. Suami yang tidak bertanggungjawab dalam sebuah keluarga menyebabkan keluarganya menjadi huru-hara. Hal ini membawa kepada pengabaian nafkah keluarga, dan seorang isteri terpaksa memikul tanggungjawab untuk bekerja. Menurut tinjauan, 23.6% wanita telah meminta pertolongan dari ibu bapa, saudara, rakan, atau organisasi yang berkaitan, tetapi 15.6% dari mereka yang diminta pertolongan mengambil sikap mengabaikan atau memujuk mereka untuk tidak berbicara (Shi, 2020). Ini menyebabkan mereka akhirnya melakukan aktiviti jenayah seperti menderakan anak-anak atau pun mencederakan diri untuk melepaskan perasaan kebencian dan ketakutan mereka. Selain itu, masalah kekeluargaan seperti penderaan, perceraian dan masalah kewangan menyebabkan wanita terlibat dengan aktiviti jenayah disebabkan tekanan hidup yang dialami mereka (Kamal, 2015). Ini dapat dilihat melalui satu artikel berita, yang menunjukkan seorang wanita sanggup menjadi pelacur dan direlakan oleh suaminya akibat masalah kesempitan wang yang kemudiannya menjadikan pekerjaan songsang itu sebagai sebuah pendapatan sampingan (Projekmm, 2015).

Pendidikan

Faktor yang seterusnya adalah tahap pendidikan yang rendah. Malahan, dari sudut hak pendidikan juga didapati golongan wanita tidak mendapat hak yang setara terutama di dalam negara dunia ketiga. Hal ini berpunca daripada permikiran segelintir masyarakat yang masih kolot apabila menganggap bahawa wanita daripada kecil lagi tidak memerlukan akses pendidikan yang sempurna dan terbaik. (SinarHarian,2021). Faktor jenayah wanita dapat dilihat apabila berlaku ketidaksamarataan peluang dalam pendidikan. Disebabkan oleh tradisi sesetengah masyarakat, wanita mempunyai peluang pendidikan yang lebih sedikit (Campaniello, 2019). Jurang gender dalam sektor ekonomi, kepemimpinan, pendidikan dan pekerjaan juga merupakan salah satu faktor dari isu gender yang menyebabkan jenayah wanita semakin meningkat (Siti Nurkhairina et al.,2019). Sedangkan penyediaan pendidikan kepada golongan wanita pada usia yang awal merupakan salah satu aktor yang penting agar mengelakkan wanita menjadi mangsa pemberdayaan yang membawa kebaikan kepada mereka. Tahap pendidikan yang rendah boleh menyebabkan wanita terjerumus ke lembah penjenayahan untuk menikmati hidup dalam kemewahan.

Di bawah stres hidup dan persaingan pekerjaan yang berat, wanita yang tidak berfikiran mantap akibat kurang terdidik, tidak dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat. Hal ini menyebabkan golongan wanita tersebut mudah cenderung kepada jenayah untuk meneruskan kehidupan. Seterusnya, dari segi pendidikan, kebanyakan banduan wanita memiliki tahap pendidikan yang sangat rendah disebabkan tidak berjaya menghabiskan persekolahan ketika di bangku sekolah. Selain itu, sikap materialistik yang hebat juga mendorong kepada peningkatan kadar jenayah golongan wanita. Hal ini demikian kerana pemilikan barangan mewah telah menjadikan tanda kejayaan seseorang wanita atas pengaruh media sosial. Budaya yang semakin tumbuh menyebabkan golongan wanita asyik mengejar keuntungan material dan keselesaan hidup yang segera. Tambahan pula, kesombongan dan kecemburuan wanita menyebabkan mereka menjadi lebih bergantung kepada barangan mewah untuk memenuhi kesombongan mereka. Justeru, tingkah laku jenayah menjadikan kaedah yang paling mudah dan biasa digunakan oleh golongan wanita untuk memperoleh kemewahan segera.

Kesan Penglibatan Wanita Dalam Jenayah

Penglibatan wanita ke dalam jenayah boleh membawa kepada pelbagai kesan. Antara yang terawal sekali apabila jenayah yang dilakukan memberi kesan kepada hubungan dengan keluarga mereka. Hubungan yang terjejas boleh berlaku seawal para banduan wanita ini berada di dalam penjara sehinggalah tahap mereka dibebaskan ke dalam komuniti. Penglibatan mereka ini ke dalam jenayah menyebabkan kekecewaan keluarga dan lantas membawa kepada penolakan kepada mereka ini. Seringkali dilaporkan bahawa, dua masalah yang paling ketara dan halangan utama mereka ini selepas dibebaskan dari penjara apabila dalam mendapatkan perumahan dan pekerjaan (Gordon, 2019). Proses integrasi semula yang perlu dilalui bukan suatu yang mudah malah membentuk suatu cabaran yang getir buat mereka. Para bekas banduan wanita yang perlu membina hubungan dengan anak-anak dan keluarga mereka akibat tempoh menjalani pemenjaraan tersebut (Gordon, 2019). Selain itu, pengkaji turut mendapati jenayah juga dapat memberi kesan kepada reputasi wanita apabila mereka terlibat ke dalam kancah jenayah (Ngah, 2019). Hal ini disebabkan rekod jenayah yang dipegang menyebabkan wanita ini mengalami peluang yang jauh lebih rendah apabila cuba mendapatkan pekerjaan. Dalam hal ini wanita bukan sahaja didiskriminasi disebabkan oleh rekod jenayah yang dipegang malahan disebabkan gender mereka sebagai wanita. Kesemua keadaan ini menyebabkan majikan enggan mengajikan mereka sebagai pekerja. Di samping itu, wanita akan melalui situasi apabila mereka dipandang dengan stigma yang lebih teruk disebabkan penglibatan diri ke dalam tingkah laku jenayah. Penulis melihat situasi sebegini sebagai stigma yang berlaku secara berganda. Ia menyedihkan apabila bekas banduan wanita terpaksa menanggung stigma yang lebih berat apabila berada di luar penjara.

Penulis juga mendapati kesan penglibatan wanita ke dalam jenayah menyebabkan mereka ini sukar untuk kembali kepada kehidupan normal. Terutama buat mereka yang melalui tempoh pemenjaraan yang lama menyebabkan terdapat kemungkinan buat mereka ini untuk menghadapi cabaran dalam kemajuan teknologi disebabkan tahap pengetahuan yang rendah. Cabaran hidup menjadi lebih sukar selepas dibebaskan apabila mereka tidak tahu ke mana hendak ditujui dan cara untuk membina kehidupan baru semula. Tempoh pemenjaraan yang lama turut menjejaskan kualiti hubungan mereka dengan keluarga serta menjarakkan diri mereka dengan ahli keluarga. Anak-anak yang tidak lagi dibesarkan oleh dirinya tetapi oleh ahli keluarga yang lain turut menjadi satu faktor kerenggangan yang wujud. Malahan, pemenjaraan yang dilalui turut membawa kepada perceraian daripada suami. Kesemua ini kesan yang dilalui akibat daripada proses pemenjaraan yang dilalui tersebut. Keadaan ini lebih menjejaskan buat bekas banduan wanita yang mempunyai masalah mental dan berterusan gagal

mendapatkan akses kepada rawatan selepas dibebaskan (Jackson, 2020). Mereka yang tidak mempunyai akses kepada rawatan berterusan dan terpaksa menanggung masalah mental yang dilalui. Penulis melihat ia mampu memberi impak kepada kesejahteraan hidup bekas banduan wanita. Ia suatu yang masih belum dipertimbangkan dengan jelas tentang kualiti dan kesejahteraan mereka apabila melalui pelbagai kesan dari proses pemenjaraan apabila selepas dibebaskan dari penjara. Kesan penglibatan dalam jenayah boleh memberi pelbagai impak yang sangat besar terhadap wanita selepas dibebaskan dari penjara. Mereka akan menghadapi cabaran dalam diterima semula ke dalam keluarga, masyarakat dan mengadaptasi dengan persekitaran sekeliling.

Secara umumnya, keluarga diharapkan dapat memberi sokongan kepada para wanita ini selepas mereka dibebaskan dari penjara. Keluarga ini sepatutnya berfungsi sebagai sistem sokongan kepada para banduan wanita bagi membantu mereka melalui proses peralihan ke dalam kehidupan normal (Nwoko, 2016). Malangnya, realiti yang sering berlaku, apabila para bekas banduan wanita ini akan mengalami penolakan keluarga, keengganan keluarga untuk membantu atau tidak memberi sokongan yang sewajarnya. Penolakan keluarga yang berlaku disebabkan oleh perasan malu dan kecewa terhadap mereka yang terlibat di dalam jenayah sehingga mencalarakan imej keluarga. Ia turut ditambahkan lagi dengan rekod jenayah yang dipegang serta ketagihan pada dadah yang menimbulkan perasaan kebimbangan dan syak wasangka dalam diri keluarga (Mohd Alif et al., 2021). Kesemua ini memberikan cabaran yang besar buat para bekas banduan wanita ini memperbaiki hubungan antara ahli keluarga mereka. Mereka tidak lagi mempunyai keluarga untuk menagih simpati atau harap. Situasi sebegini mampu memberi tamparan hidup yang besar buat para wanita ini. Ia juga boleh menjadi antara penyebab mereka yang gagal berintegrasi ini untuk terlibat semula ke dalam jenayah.

Kesan penglibatan jenayah terhadap mereka ini turut diperhebatkan apabila kesukaran untuk wanita ini mendapatkan pekerjaan bagi menjana pendapatan selepas dibebaskan dari penjara (Erstad, 2018). Setiap individu memerlukan pekerjaan bagi menyara diri dan keluarga mereka serta untuk memastikan kelangsungan hidup. Namun disebabkan oleh rekod jenayah yang dipegang, menyebabkan ramai di antara mereka akan mengalami kesulitan dalam mendapatkan pekerjaan (Erstad, 2018). Menurut Cantora (2015), bekas banduan sering mengalami kegagalan dalam mencari pekerjaan yang sesuai. Tambahan lagi, disebabkan latar belakang jenayah mereka, ramai bekas banduan wanita tidak pernah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan diri mereka (Cantora, 2015). Ia disokong oleh Gordon (2019) yang turut menyebut tentang penjenayah wanita ini mengalami kesan jenayah yang buruk disebabkan oleh ketidakadilan layanan terhadap gender. Maka dengan itu menjadikan peluang mereka yang lebih rendah untuk mendapatkan pekerjaan (Gordon, 2019).

Penulis juga mendapati kesan jenayah wanita ini turut dapat dilihat berlaku apabila melibatkan pandangan orang masyarakat. Penglibatan mereka ini telah menjejaskan, reputasi mereka di mata masyarakat awam (Ngah, 2019). Hal ini telah menyebabkan wanita yang pernah terlibat dalam jenayah ini akan mengalami kesukaran untuk membina semula kehidupan mereka dan juga memperbaiki ikatan keluarga, seperti mendapat semula hak penjagaan anak mereka. Lebih malang yang berlaku apabila rekod jenayah yang dipegang telah menyebabkan mereka mengalami kehilangan kredibiliti di mata juri sebagai seorang penjaga kepada anak tersebut. Penulis mengambil kajian McIver (2012) yang mengkaji tentang bagaimana keluarga membuat perubahan dalam kehidupan wanita selepas mereka dibebaskan dari penjara. Hal ini kerana sokongan keluarga memainkan peranan utama dalam hidup bekas banduan wanita apabila

mereka dibebaskan dari penjara. Hal ini terbukti daripada kajian tersebut apabila kebanyakan pesalah wanita memaklumkan tentang sokongan keluarga sebagai penentu dalam peralihan hidup yang lebih berkesan untuk mereka.

Ke Arah Membentuk Program Responsif-Gender Dan Sensitif-Gender Dalam Membantu Wanita

Peningkatan penglibatan wanita dengan sistem keadilan jenayah sejak tahun 1980-an, bagaimanapun, telah mendorong penyelidikan dalam mengenal pasti keperluan unik wanita dan pengembangan dan penilaian program yang responsif gender yang dirancang untuk memudahkan integrasi semula wanita yang berjaya (Covington & Bloom, 2003; Sydney, 2005; van Wormer & Bartollas, 2007). Ada yang berpendapat bahawa keperluan wanita yang lebih besar dan jalan antisosial yang lebih rendah untuk dipenjarakan memerlukan pendekatan penjagaan kesihatan dan fokus intervensi yang dirancang untuk wanita. Seringkali didapati Program-program sedia ada banyak memfokuskan pada keperluan lelaki kerana secara sejarahnya lelaki telah dipenjara dengan kadar yang jauh lebih tinggi berbanding wanita (O'Brien, 2001; Spjeldnes & Goodkind, 2009). Maka tidak dapat dinafikan apabila program sedia ada lebih berpusatkan dalam memenuhi keperluan banduan lelaki berbanding wanita.

Dalam kajian meta-analitik mengenai risiko dan keperluan yang berkaitan dengan integrasi semula antara jantina, Andrews, Bonta, dan Wormith (2006), telah melaporkan lapan faktor yang paling banyak dikaitkan dengan penangkapan semula: a) tingkah laku antisosial berulang bermula pada usia muda dalam pelbagai tetapan; b) penglibatan dalam aktiviti hedonistik yang menunjukkan kurangnya kawalan sosial dan aggression; c) menunjukkan identiti kriminogenik yang berkaitan dengan nilai dan sikap antisosial; d) pergaulan dengan orang antisosial; e) kekurangan sokongan sosial keluarga; f) prestasi rendah atau kepuasan rendah terhadap kerja; g) kurang aktiviti riadah yang sihat; h) penyalahgunaan bahan terlarang. Jelas, beberapa faktor ini dapat ditangani oleh program integrasi semula (misalnya, sokongan sosial, latihan pekerjaan, penyalahgunaan dadah, dan penglibatan masyarakat) sementara yang lain tidak dapat. Oleh kerana kebanyakan program yang berfokus kepada lelaki, menyebabkan keperluan perbincangan segera kepada program responsif-gender untuk wanita adalah signifikan. Penyelidikan menunjukkan bahawa program responsif gender yang dikembangkan dengan baik dapat lebih efektif daripada usaha tradisional (Sydney, 2005)

Kurangnya pengaturcaraan dan rawatan yang responsif-gender menjadikan peralihan dan kemasukan semula boleh menjadi cabaran yang semakin meningkat bagi residivis wanita. Residivis wanita yang memasuki komuniti sering menghadapi halangan yang berkaitan dengan jantina yang berbeza daripada residivis lelaki. Akibat pengabaian perbezaan jantina dalam tingkah laku jenayah dan keperluan perlakuan, wanita sering mengalami kekurangan mekanisme dan kemahiran yang bersesuaian untuk berjaya memasuki ke dalam kehidupan bermasyarakat. Residivis wanita menghadapi masalah khusus untuk jantina mereka. Ini sering merangkumi sejarah penderaan fizikal dan seksual kanak-kanak dan orang dewasa. Wanita yang dipenjara adalah tiga kali lebih mungkin menjadi mangsa penderaan fizikal atau seksual daripada lelaki yang dipenjara. Pesalah wanita cenderung tidak mempunyai sejarah jenayah, melakukan pembunuhan, atau kesalahan ganas. Kejahatan mereka sering berorientasikan hubungan atau dilakukan terhadap seseorang yang sebelumnya mereka menjalin hubungan.

Dari segi keperluan pesalah di dalam sistem keadilan jenayah, wanita didapati mempunyai keperluan yang berbeza berbanding dengan pesalah lelaki. Walau bagaimanapun, hukuman pemenjaraan yang ada pada hari ini banyak berpusatkan pada lelaki. Kemudahan dan intervensi

yang cenderung dirancang untuk diaplikasikan kepada pesalah lelaki. Terdapat beberapa program rawatan yang khusus dibina untuk memenuhi keperluan wanita. Namun program sebegini didapati sangat terhad dan tidak dilaksanakan secara berkesan dalam memulihkan banduan wanita. Keperluan untuk merekabentuk program responsif-gender yang berdasarkan teori dan penyelidikan yang berkaitan dengan residivis wanita. Matlamat utama pembinaan program responsif dan sensitif-gender ini merangkumi untuk mengurangkan tingkah laku berulang jenayah serta meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan wanita, keluarga mereka, dan masyarakat. Dengan itu, residivis wanita yang dibebaskan dapat menjadi seorang yang patuh undang-undang dan berguna kepada masyarakat. Biasanya, didapati wanita sering disabitkan dengan jenayah kecil yang berkait rapat dengan kemiskinan, dan keperluan pelaksanaan program alternatif yang peka gender dijangka dapat memberikan potensi besar untuk menghindari residivis untuk berulang kali mengikuti hukuman penjara (Miller, 2021).

Walau bagaimanapun, program pemulihan yang ada di dalam sistem keadilan jenayah di seluruh dunia hampir dibuat secara eksklusif untuk lelaki, oleh lelaki. Sedangkan keperluan dan pengalaman berbeza wanita telah sering diabaikan. Walaupun kadar pengulangan jenayah residivis lelaki jauh lebih banyak daripada residivis wanita, namun cabaran yang dihadapi oleh wanita yang kembali ke dalam penjara sangat sukar dan kompleks, menunjukkan adanya keperluan untuk pengaturcaraan masuk semula yang khusus dan sesuai untuk para residivis wanita ini. Cabaran-cabaran yang dihadapi adalah seperti pekerjaan, ketagihan, penyakit mental, perumahan, pengangkutan, penyatuan kepada keluarga, penjagaan anak, keibubapaan, dan kesihatan fizikal yang buruk (Miller, 2021). Residivis wanita yang melakukan jenayah juga lebih cenderung menderita penyalahgunaan dadah terlarang dan gangguan kesihatan mental, menjadikan mereka dalam kumpulan berisiko paling tinggi untuk terlibat semula di dalam pengulangan jenayah dan dengan itu paling memerlukan rawatan (Ashley, Marsden, & Brady, 2003). Terutama, jumlah wanita yang memasuki penjara telah meningkat dengan ketara, namun program yang bersesuaian dalam membantu wanita masih belum terwujud (Haywood, , Kravitz, Goldman, , & Freeman, 2000). Berikut adalah gambaran ringkas mengenai sifat tingkah laku jenayah wanita, kajian ini cuba bergerak dalam memperkenalkan program yang responsif-gender dan dirancang khusus untuk wanita yang melakukan pengulangan jenayah, dan mengulas kajian literatur yang ada yang berkaitan dengan apa yang berlaku dalam proses integrasi semula buat para residivis wanita. Akhirnya, cadangan untuk program dan amalan yang ditawarkan berdasarkan kajian terkini dengan bukti empirikal yang berkaitan dengan proses integrasi semula yang dihadapi oleh residivis wanita.

Wanita yang memasuki ke dalam kehidupan bermasyarakat menghadapi cabaran yang berbeza berbanding lelaki yang dipenjarakan. Jika dibandingkan dengan lelaki, wanita yang dipenjarakan lebih cenderung mengalami kerugian ekonomi, dan mangsa penyalahgunaan dadah dan mangsa penganiayaan. Mereka lebih cenderung menderita penyakit mental dan menjadi ibu bapa kepada anak di bawah umur (Langan & Pelissier, 2001; Garcia & Ritter, 2012; Raeder, 2005; Scott, Dennis & Lurigio, 2015). Walau bagaimanapun, secara historis, kebanyakan program pemulihan yang ada adalah bertumpu kepada lelaki dan bahkan instrumen penilaian risiko dirancang untuk lelaki yang melakukan jenayah, dengan sedikit perhatian terhadap faktor khusus gender (Bloom, 2003; Van Voorhis & Presser, 2001). Program responsif-gender dimulakan dengan penilaian risiko dan keperluan individu setiap orang dan mempertimbangkan pemboleh ubah khusus gender untuk residivis wanita, seperti hubungan ibu bapa-anak, penyatuan keluarga, penyalahgunaan bahan, dan keperluan kesihatan mental dan fizikal (Fretz , Erickson & Mims, 2007). Khususnya, penggunaan terapi tingkah laku kognitif, sesi kumpulan semua wanita, dan kumpulan sokongan bersama dianjurkan dalam

program untuk wanita yang terlibat dalam sistem keadilan jenayah. Sejumlah masalah dapat dipertimbangkan untuk pengembangan program dan perkhidmatan yang responsif-gender. Bagi wanita yang berada dalam sistem, pendekatan responsif-gender akan merangkumi perkhidmatan komprehensif yang mengambil kira kandungan dan konteks kehidupan wanita. Program perlu mengambil kira masalah sosial yang lebih besar mengenai kemiskinan, penyalahgunaan, dan ketidaksetaraan kaum dan jantina serta faktor individu yang mempengaruhi wanita dalam sistem peradilan jenayah (Bloom, Owen, & Covington, 2003).

Perkhidmatan juga harus responsif terhadap latar belakang budaya wanita. Budaya boleh didefinisikan sebagai kerangka nilai dan kepercayaan dan cara mengatur pengalaman. Program dan perkhidmatan yang sensitif secara budaya mempertimbangkan perbezaan etnik (mis., Bahasa, adat, nilai, dan kepercayaan) untuk mewujudkan rasa inklusif. Pengaturcaraan yang responsif dari segi jantina dan budaya menekankan sokongan. Penyedia perkhidmatan perlu fokus pada kekuatan wanita, dan mereka harus menyedari bahawa seorang wanita tidak dapat dilayan dengan berjaya secara terpisah dari rangkaian sokongan sosialnya (iaitu hubungannya dengan anak-anak, pasangan, keluarga, dan rakan-rakannya) (Bloom et al., 2003). Sistem penyelarasan yang menghubungkan pelbagai perkhidmatan akan mempromosikan model perawatan berterusan. Pendekatan komprehensif seperti itu akan memberikan kesinambungan perawatan, pemulihan, dan layanan sokongan yang berterusan, dimulai pada awal penahanan dan terus melalui peralihan kepada masyarakat (Bloom et al., 2003). Miller (2021) telah memberi 9 jenis cadangan untuk program responsif dan sensitif dalam membantu cabaran yang dihadapi wanita dalam proses integrasi semula. Antara seperti berikut:

1. Program Integrasi semula yang responsif-gender yang dicadang adalah memperkenalkan instrumen pemeriksaan untuk menyemak masalah penyalahgunaan dadah, masalah psikiatri, dan risiko kriminogenik yang dirancang khusus untuk wanita, serta menerapkan pelbagai elemen pengaturcaraan yang berdasarkan gender .
2. Rawatan Bersepadu untuk gangguan (disorder) yang berlaku; Program integrasi semula harus menyaring orang yang dipenjarakan untuk gangguan penyalahgunaan dadah, penyakit mental, dan keadaan kesihatan kronik yang boleh mempengaruhi pemulihan dan penyatuan semula mereka.
3. Komuniti Terapi: Komuniti terapeutik adalah pendekatan partisipatif, berdasarkan kumpulan untuk intervensi penyalahgunaan bahan di mana individu bekerja melalui pemulihan ketika tinggal bersama di tempat kediaman.
4. Fokus pada jagaan lanjutan: Program yang dilaksanakan harus dirancang supaya rawatan bermula sekurang-kurangnya 90 hari sebelum dibebaskan dan berlanjutan untuk jangka masa di bawah pengawasan masyarakat. Hubungan dengan penyedia kesihatan masyarakat untuk merawat ketagihan dan keperluan kesihatan mental dan fizikal harus dibuat sebelum dibebaskan, dan pengurusan kes harus dijaga sementara individu tersebut berada di bawah pengawasan masyarakat setelah dibebaskan.
5. Rawatan Berbantuan Ubat: Untuk orang yang dipenjarakan yang menderita ketagihan, penyakit mental, atau kedua-duanya, dan terutama bagi mereka yang ketagihan opioid atau alkohol, rawatan berbantuan ubat memberikan pilihan yang sesuai untuk sistem keadilan jenayah untuk mengurangkan pengulangan jenayah dengan menggunakan kerangka kesihatan awam yang mapan.
6. Sokongan Pemulihan Rakan Sebaya: Penggunaan pakar pemulihan rakan sebaya mungkin sangat ketara untuk kemasukan semula wanita kerana beberapa sebab. Bukti sebelumnya menunjukkan bahawa wanita, rata-rata, mempunyai ikatan sosial yang lebih kuat, merasa lebih kuat mengenai hubungan interpersonal mereka, dan melihat

diri mereka melalui lensa hubungan ini. Oleh itu, pakar pemulihan rakan sebaya dapat memanfaatkan sifat-sifat ini dan mengembangkan hubungan peribadi dengan residividis wanita yang berfungsi sebagai bentuk sokongan sosial semasa pemulihan.

7. Pekerjaan dan Latihan Kemahiran: Program integrasi semula harus memperluaskan memastikan akses kepada peluang pekerjaan. Oleh kerana terdapat beberapa wanita yang dipenjarakan tanpa kekurangan akses kepada peluang pekerjaan, pendidikan, atau keterampilan, program pekerjaan mungkin lebih relevan untuk sebilangan besar wanita yang masuk semula daripada rawatan penyalahgunaan bahan.
8. Bantuan Perumahan: Orang yang kembali ke penjara, terutama wanita, mengalami kehilangan tempat tinggal pada kadar yang jauh lebih tinggi daripada penduduk umum. Peningkatan bantuan, bersama dengan peningkatan penelitian, diperlukan untuk memperluas penyediaan perkhidmatan perumahan untuk wanita yang sebelumnya dipenjarakan, terutama mereka yang memiliki hak kepada anak-anak mereka yang masih kecil.
9. Menjaga Ikatan Keluarga: Wanita yang menjaga hubungan dengan anak-anak dan keluarga mereka lebih kurang cenderung untuk melaporkan masalah kemurungan ketika dipenjarakan dan lebih cenderung untuk mewujudkan penyatuan keluarga setelah dibebaskan. Keperluan pusat pemulihan meningkatkan jumlah hubungan wanita dengan anak-anak dan keluarga mereka semasa dipenjarakan.

Responsif-gender bagi pesalah wanita dalam pemulihan masyarakat melibatkan mewujudkan persekitaran pemulihan yang mencerminkan pemahaman mengenai realiti kehidupan wanita. Strategi responsif-gender menangani isu-isu unik yang mempunyai kesan yang signifikan terhadap wanita (Sydney, 2015). Responsif gender memerlukan proses intervensi yang—

1. Mengakui dan menampung perbezaan antara lelaki dan wanita.
2. Menilai tahap, keperluan, dan kekuatan risiko wanita dan membuat rancangan kesenyawaan dengan sewajarnya.
3. Kenali jalan yang berbeza di mana wanita memasuki sistem pemulihan masyarakat.
4. Kenali kemungkinan pesalah wanita mempunyai sejarah mangsa yang penting.
5. Bangunlah kekuatan dan nilai wanita, termasuk menyedari bahawa hubungan itu penting bagi wanita.
6. Mengakui dan menampung kemungkinan bahawa wanita adalah penjaga utama kepada anak atau tanggungan lain

Kesimpulan

Secara kesimpulan, penulis dapat merumuskan bahawa sememangnya wanita merupakan segmen populasi yang paling kecil jika dibandingkan dengan jumlah lelaki. Hal ini telah menimbulkan suatu jurang gender apabila membincangkan tingkah laku jenayah di antara lelaki dan wanita. Malahan, pelbagai penyelidikan telah secara konsisten menunjukkan wanita ini lebih kurang cenderung berbanding lelaki. Namun demikian, terbukti bahawa dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, jenayah wanita telah mencatatkan peningkatan saban tahun di Malaysia. Peningkatan jenayah dalam kalangan wanita sebenarnya mencapai tahap yang boleh dilihat sebagai membimbangkan. Ia bukan berlaku di peringkat global malahan nasional. Maka, dengan itu, pentingnya kajian ini dalam membincangkan faktor-faktor dan kesan para wanita ini boleh terlibat ke dalam jenayah mengikut perspektif gender. Dari sudut teori feminis, telah banyak mengatakan berlakunya keadaan jenayah dalam kalangan wanita ini berpunca daripada ketidaksetaraan, penindasan dan ketidakadilan yang wujud. Maka dengan, kertas konsep ini diharap dapat menjadi panduan dalam mencetuskan inspirasi pihak luar terutama

sistem keadilan jenayah dalam berusaha memastikan keupayaan untuk menjamin, mencapai kesamaan dan keadilan dalam membantu pesalah wanita ini terutama apabila mereka dibebaskan kelak. Hal ini diharap pembebasan mereka dapat membawa kepada integrasi semula yang berjaya dengan menjadi orang yang produktif, patuh kepada undang-undang yang diperuntukkan dan mampu diterima di dalam komuniti. Ketaksamaan dan ketidakadilan yang wujud mampu menyebabkan penglibatan wanita ini secara berterusan sekiranya isu ini tidak diselesaikan dengan segera di dalam negara.

Penghargaan

Penulis memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penjanaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk penulisan ini.

Rujukan

- Abasi, I., & Mohammadkhani, P. (2016). *Family risk factors among women with addiction-related problems: An integrative review*. International Journal of High Risk Behaviors & Addiction, 5(2), e-27021. <https://doi.org/10.5812/ijhrba.27071>
- Alias, W. N. H. W. (2017, December 18). *Diskriminasi kenaikan pangkat pekerja wanita masih serius*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/364884/diskriminasi-kenaikan-pangkat-pekerja-wanita-masih-serius>
- Amnesty International. (2021, March 5). Women's Rights. <https://www.amnesty.org/en/what-we-do/discrimination/womens-rights/>
- Andrews, D. A., Bonta, J., & Wormith, J. S. (2006). The recent past and near future of risk and/or need assessment. *Crime & Delinquency*, 52, 7–27.
- Ashley, O. S., Marsden, M. E., & Brady, T. M. (2003). Effectiveness of substance abuse treatment programming for women: A review. *The American Journal of Drug and Alcohol Abuse*, 29(1), 19-53.
- Berma, M. M. (2020, March 8). *Kesaksamaan gender tanggungjawab semua*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/03/663102/kesaksamaan-gender-tanggungjawab-semua>
- BH Online. (2015). *Kejar kemewahan punca melacur*. Diakses pada 21 November 2021, daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/12/101477/kejar-kemewahan-punca-melacur>
- BH Online. (2015). *Sanggup merana dek mewah seketika*. Diakses pada 21 November 2021, daripada <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2018/07/451524/sanggup-merana-dek-mewah-seketika>
- Bloom, B., Owen, B. & Covington, S. (2003). *Gender-Responsive Strategies: Research, Practice, and Guiding Principles for Women Offenders*. Washington, DC: U.S. Department of Justice, National Institute of Corrections. Retrieved from: <http://static.nicic.gov/Library/018017.pdf>
- Buletin TV3. (2017). *Ibu Tunggal Edar Dadah Ditahan*. Diakses pada 21 November 2021, daripada <https://www.buletintv3.my/video/jenayah/ibu-tunggal-edar-dadah-ditahan>
- Burman, M. & Gelsthorpe, L. (2016). *Feminist criminology: inequalities, powerlessness, and justice*.

- <https://www.oxfordlawtrove.com/view/10.1093/he/9780198719441.001.0001/he-9780198719441-chapter-10>
- Campaniello, N. (2019, July 31). *Women in crime*. IZA World of Labor. <https://wol.iza.org/articles/women-in-crime/long>
- Campaniello. (2019, July). *Women in crime*. IZA World of Labor. <https://wol.iza.org/articles/women-in-crime/long>
- Cantora, A. (2015). Navigating the job search after incarceration: the experiences of work-release participants. *Criminal Justice Studies*, 141–160.
- Chen. (2014, December 22). *Penyelidikan Psikologi Jenayah Wanita*. Rangkaian Procuratorial Guangxi. https://www.gx.jcy.gov.cn/zt/gxjcllyjyxcgz/201412/t20141222_1526030.shtml
- Covington, S. S., & Bloom, B. E. (2003). *Gendered justice: Women in the criminal justice system*. Carolina Academic Press, 1–20.
- Erstad, W. (2018, April 17). *Life after prison: 4 barriers to societal reentry that come with a felony conviction*. Life After Prison: 4 Barriers to Societal Reentry that Come with a Felony Conviction | Rasmussen University. Retrieved November 22, 2021, from <https://www.rasmussen.edu/degrees/justice-studies/blog/life-after-prison/>.
- Federal Bureau of Prisons. (2019). *BOP Statistics: Inmate Gender*. Bop.gov. https://www.bop.gov/about/statistics/statistics_inmate_gender.jsp
- Fretz, R., Erickson, J., & Mims, A. (2007). Re-entry programming and female offenders: The case for a gender-responsive approach,” *Journal of Community Corrections*, 16(3), 9-21.
- Garcia, M., & Ritter, N., (2012). Improving access to services for female offenders returning to the community,” *National Institute of Justice Journal*, 269.
- Gordon, A. (2019, July 17). *Getting Out: Women In Transition*. American Culture Studies. <https://amcs.wustl.edu/news/getting-out-women-transition>
- Haywood, T. W., Kravitz, H. M., Goldman, L. B., & Freeman, A. (2000). Characteristics of women in jail and treatment orientations,” *Behavior Modification*, 24(3), 307.
- Husein Husaini (2016). *Faktor Keruntuhan Institusi Kekeluargaan*. Faktor keruntuhan institusi keluarga - Ijazah Syariah Sem 6 (mpw2043syariahkias.blogspot.com)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2021). *Statistik Pekerja Wanita Dalam Domain Terpilih, Malaysia, 2020*. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul_id=QlliTUxPQnhrR2tVa2kyOFpkWmhaZz09&menu_id=L0pheU43NwJwRWVVSzklWdzQ4TlhUUT09
- Jabatan Penjara Malaysia (2020). Jumlah pembebasan dan banduan pengulanglaku jenayah, 2010-2019.
- Jabatan Penjara Malaysia. (2016). *Statistik banduan wanita berwarganegara Malaysia di penjara seluruh Malaysia*. Kajang: Jabatan Penjara Malaysia.
- Jackson, S. (2020, April 23). *The 4 Biggest Challenges Facing Those Newly Released From Prison*. TReND Wyoming. <https://www.trendwyoming.org/articles/biggest-challenges-after-prison-release/>
- Jiffar, S. (2019, January 17). *Pengaruh suami, teman lelaki antara punca wanita terjebak dadah*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2019/01/520847/pengaruh-suami-teman-lelaki-antara-punca-wanita-terjebak-dadah>
- Kamal Affandi (2021). (Pengerusi Jawatankuasa Aktiviti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia). Utusan Online, “Jenayah- Di Kalangan Wanita”, dicapai pada 22 November 2021.

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0311&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_03.htm

- Langan, N. P., & Pelissier, B. M. (2001). Gender differences among prisoners in drug
- Mallow, M. S. (2015, March 11). *Wanita perlu bijak rebut peluang, hak sama rata*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/03/39830/wanita-perlu-bijak-rebut-peluang-hak-sama-rata>
- Malott, M & Fromader, A. (2019). Male inmate Perspective on reducing recidivism rates through post-incarceration resources. *Journal of Criminology*
- Manon, H. (2017). Future Research on Women and Crime. *Crime, History & Societies*, **21(2)**, 123.
- Mciver, C. B. (2020). *Exploring the Challenges of Reentry Among Female Former Offenders*. Walden Dissertations and Doctoral Studies.
- Miller, H.V. (Mei 19, 2021). Female Reentry and Gender-Responsive Programming : Recommendations for Policy and Practice. <https://nij.ojp.gov/topics/articles/female-reentry-and-gender-responsive-programming>
- Mohd Alif, M. J., Hajar S. A. B., Norruzeyati C. M. N. & Noralina, O. (2021). Faktor Mempengaruhi Bekas Banduan menjadi Gelandangan: Kajian Kes di Kuala Lumpur. *Jurnal Perspektif* , 102-116.
- Ngah, M. A. (2019, April 17). *'Rahsiakan Anak Saya Dibesarkan di Penjara'*. Berita Harian. Retrieved November 29, 2021, from <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/04/553909/rahsiakan-anak-saya-dibesarkan-di-penjara>.
- Norasikin Basir. (2002). *Female Criminality: A Case Study of Women Inmates in Kajang Prison, Selangor, Malaysia*. Malaysia: International Islamic University Malaysia.
- Nwoko, S. (2016). Family relationships and the incarcerated individual. Retrieved November 22, 2021, from <https://www.ebpsociety.org/blog/education/221-family-relationships-incarcerated-individual>.
- O'Brien, P. (2001). Making it in the "free world": Women in transition from prison. Albany, NY: State University of New York Press.
- Projekmm. (2015, November 28). *Dakwa Kesempitan Wang, Suami Relakan Isteri Jadi Pelacur*. <https://www.projekmm.com/news/berita/2015/11/28/dakwa-kesempitan-wang-suami-relakan-isteri-jadi-pelacur/1013573>
- Raeder, M. R., (2005). A primer on gender-related issues that affect female offenders," *Criminal Justice*, 20(4)
- Scott, C. K., Dennis, M. L., & Lurigio, A. J. (2015). Comorbidity among female detainees in drug treatment: An exploration of internalizing and externalizing disorders. *Psychiatric Rehabilitation Journal*, 38(1), 35.
- Shi. (2020, February 28). *Analysis of the psychological characteristics of female crimes and preventive measures?* Threesome Education Network. <https://www.3rxing.org/question/46d0d2668e105913599.html>
- Siraj, D. H. H. (2021, March 9). *Kesaksamaan gender perlu suntikan norma baharu*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/03/794158/kesaksamaan-gender-perlu-suntikan-norma-baharu>
- Siti Nurkhairina, M. N., Wan Shahrazad, W. S., & Muhammad Kamaluddin, R. (2019.). *Profil psikologi penjenayah wanita: satu tinjauan literatur* 131–145. <http://www.iyres.gov.my/images/MJYS/2017/MJYS%20Vol%2017%20Dec%202017-135-149.pdf>

- Smith, G. (2020). *As Asia ramps up its war on drugs, women are being jailed for low-level crime*. CNN. <https://edition.cnn.com/2020/08/16/asia/women-drug-trafficking-mules-hnk-intl-dst-as-equals/index.html>
- Spjeldnes, S. & Goodkind, S. (2009). Gender differences and offender reentry: A review of the literature. *Journal of Offender Rehabilitation*, 48, 314–335.
- Statista Research Department. (2021, October 19). Number of violent crime victims in the United States, by gender 2005–2019. Statista. <https://www.statista.com/statistics/423245/us-violent-crime-victims-by-gender/>
- Struble, C. (2019, August 29). *How does gender affect criminology and criminal justice?* Criminology News. <https://blogs.missouristate.edu/criminology/2019/08/26/how-does-gender-affect-criminology-and-criminal-justice/>
- Sydney, L. (2005). Gender-responsive strategies for women offenders (NIC Ascension No. 020419). Washington, DC: U.S. Department of Justice, National Institute of Corrections.
- Sydney, L. (2015). Gender-responsive strategies for women offenders. U.S. Department of Justice
- Tharshini, N, K. & Fauziah, I. (2020, Julai). Faktor-Faktor Berisiko yang Menyumbang kepada Tingkah Laku Devian: Satu Kajian Ulasan Sistematis. *ResearchGate*, 12(1), 29.
- UN Women. (2019). *Facts and Figures: Economic Empowerment*. UN Women. <https://www.unwomen.org/en/what-we-do/economic-empowerment/facts-and-figures>
- Utusan Borneo. (2019). *Wanita di Malaysia mengalami diskriminasi: SUHAKAM*. Diakses pada 20 Oktober 2021, daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2019/03/12/wanita-di-malaysia-masih-lagi-Mengalami-diskriminasi-suhakam>
- Van Voorhis, P., & Presser, L. (2001). *Classification of women offenders: A national assessment of current practices*. Washington, D.C.: U.S. Department of Justice, National Institute of Corrections.
- Walker. (2009, July 8). *Battered woman syndrome*. Psychiatric Times. <https://www.psychiatrictimes.com/view/battered-woman-syndrome>
- Walmsley. (2017, September 30). *World Female Imprisonment List*. World Prison Brief. https://www.prisonstudies.org/sites/default/files/resources/downloads/world_female_prison_4th_edn_v4_web.pdf
- World Health Organization. (2021, March 9). *Devastatingly pervasive: 1 in 3 women globally experience violence*. <https://www.who.int/news/item/09-03-2021-devastatingly-pervasive-1-in-3-women-globally-experience-violence>
- World Prison Brief. (2021). *World Prison Brief data*. <https://www.prisonstudies.org/world-prison-brief-data>
- Yuen, B. (2004). *“Safety and Dwelling in Singapore”*. *Cities*, 21(1), 19-28 https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_1E2.pdf
- Zhang & Gao. (2013). *The status quo, causes and countermeasures of female crimes*. Faxin.cn. <https://www.faxin.cn/lib/flwx/FlqkContent.aspx?gid=F155416&libid=040106>